



DBKL bersama agensi penguat kuasa lain dalam Operasi Gasak di sekitar Bazaria Wangsa Maju. (Foto ihsan DBKL)

DBKL gempur gerai warga asing

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan kompaun terhadap enam gerai dan menyita barang milik penjaja warga asing yang berniaga secara haram sekitar Bazaria Wangsa Maju, dekat sini.

DBKL dalam hantaran melalui Facebook, malam kelmarin, berkata melalui Operasi Gasak yang dijalankan pihaknya bersama beberapa agensi penguat kuasa lain, pasukan turut menutup lima gerai serta-merta dan menunda dua kenderaan saji yang dikendalikan warga asing.

Beliau berkata, Operasi Gasak bertujuan membanteras aktiviti perniagaan dan berjaja tanpa lesen serta tidak memenuhi syarat lesen.

Operasi bersepadu itu melibatkan pelbagai agensi, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen (Imigresen) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) WPKL serta jabatan dalam DBKL.

“Imigresen membuat pemeriksaan terhadap individu warga asing dengan 35 ditahan. Jumlah itu membabitkan seorang lelaki warga Myanmar, 19 lelaki warga Indonesia dan 15 wanita warga Indonesia tidak memiliki dokumen sah atau menyalahgunakan permit kerja.

“KPDN pula mengeluarkan tiga kompaun terhadap gerai disyaki melanggar peraturan

perdagangan dan membabitkan isu hak cipta serta barangan tiruan bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

“Penjaja yang melanggar syarat lesen dikenakan tindakan penguatkuasaan menerusi peruntukan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016, UUK Petempatan Makanan (WPKL) 2016 serta UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016,” menurut DBKL.

DBKL memaklumkan, Operasi Gasak diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan ibu kota kekal sebagai sebuah bandar raya yang bersih, teratur, selamat dan kondusif untuk masyarakat.